



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	8/7/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PDRM/ JPNP			

**Raub:** Semangat kental anggota yang menjalankan tugas menebang dalam operasi musnah pokok durian musang king yang ditanam secara haram dalam Hutan Simpan Batu Talam di sini, menjelang berikutan kehadiran anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara.

Selepas kejadian provokasi dilakukan individu dipercayai pekebun pada hari kedua operasi menyebabkan perasaan bimbang menghantui anggota terbabit.

Ketua Penolong Pengarah (Penguatkuasa), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Nor Azirim Ahmad berkata, kehadiran lebih ramai anggota PGA semalam (kelmarin) menyuntik semangat baharu dalam kalangan penebang dan petugas lain.

### PGA jamin keselamatan penebang



ANGGOTA PGA mengawal aktiviti menebang pokok durian ketika operasi musnah durian musang king di Hutan Simpan Batu Talam. Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

Menurutnya, difahamkan, 30 anggota PGA menyertai operasi musnah semalam (kelmarin) dan hari ini (se-

malam), seramai 30 anggota lagi yang turut sama bergabung menjaga keselamatan petugas yang berada di dalam

Hutan Simpan Batu Talam.

Katanya, kelmarin, anggota polis dan PGA turut mengadakan dua sekatan jalan raya

(SJR) 24 jam di laluan utama masuk ke kawasan kebun durian terbabit, kawalan juga membabitkan jabatan simen yang sebelum ini dua kali dirosakkan pihak tidak bertanggungjawab.

"Saya berharap operasi musnah kali ini dapat dijalankan dengan lancar tanpa sebarang gangguan daripada mana-mana pihak.

"Hari ini (semalam) kita tambah lebih 30 kakitangan JPNP membabitkan beberapa daerah menjadi 65 kakitangan yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan penebang," katanya.

Beliau yang turut sama menyertai operasi berkenaan berkata, kehadiran anggota Unit Penguat Kuasa Negeri Pahang (UPNP) turut melancarkan lagi aktiviti menebang

pokok durian kerana pasukan terbabit dikatakan berkemahiran tinggi dan mempunyai lebih kelengkapan.

Nor Azirim berharap operasi musnah kebun durian musang king yang ditanam secara haram dalam Hutan Simpan Batu Talam seluas 101 hektar dapat diselesaikan lebih awal.

Rata-rata penebang ditemui mengukui semakin bersemangat meneruskan tugas memusnahkan pokok durian selepas kehadiran anggota PGA yang sentiasa mengawasi setiap aktiviti.

Seorang penebang yang mahu dikenali Lan berkata, anggota PGA memantau setiap kawasan tebang untuk memastikan tugas menebang berjalan lancar mengikut jadual.

**HM, 8 Jul 2021\_3**

